

PM nasihat pelajar utamakan disiplin

BH - 26/07/03.

MIRI: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menasihatkan pelajar mengutamakan disiplin kerana nilai berkenaan akan menjamin kejayaan kehidupan mereka kemudian hari.

Perdana Menteri berkata, disiplin diri yang baik adalah satu nilai yang menentukan sama ada seseorang pelajar itu akan berjaya atau tidak selepas meningkat dewasa menempuh alam pekerjaan, perniagaan dan bidang lain yang diceburi.

"Pelajar perlu menyemai disiplin di peringkat sekolah lagi supaya mereka bukan setakat berjaya dan memiliki harga diri tetapi turut dihormati apabila mereka menceburi dunia pekerjaan," katanya ketika merasmikan bangunan baru dan perayaan ulang tahun ke-50 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Chung Hua, di sini semalam.

SMK Chung Hua ditubuhkan pada 1952 dengan 94 pelajar dan lima guru tetapi kini ia mempunyai 2,400 pelajar dan 20 peratus daripada jumlah itu adalah Bumiputera.

Pelajar di sekolah itu ditekankan untuk menguasai tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Inggeris dan Mandarin.

Dr Mahathir berkata, kerajaan memberi perhatian serius terhadap usaha meningkatkan mutu pendidikan di negara ini menerusi penyediaan infrastruktur lebih baik

"Buktinya setiap tahun, kerajaan memperuntukkan tidak kurang 20 peratus daripada belanjawan negara untuk tujuan pendidikan. Namun, sokongan daripada golongan korporat bagi menjayakan misi ini tetap diperlukan," katanya.

Sehubungan itu, beliau memperlawa lebih ramai tokoh korporat membantu kerajaan menyediakan sebahagian kemudahan asas sekolah bagi memastikan pelajar dapat belajar dengan lebih selesa.

"Sebagai contoh, kesediaan Ting menyalurkan bantuan kewangan bagi membina bangunan baru sekolah ini patut diikuti tokoh korporat lain dan jangan harap kepada kerajaan semata-mata untuk membina kemudahan di sekolah," katanya.

Perdana Menteri turut meminta pelajar memperlbagikan penguasaan bahasa kerana katanya, tidak rugi bagi pelajar memperlbagai dan menguasai banyak bahasa termasuk bahasa Melayu, Inggeris atau Mandarin.

Beliau berkata, kejayaan menguasai banyak bahasa akan memberi peluang kepada pelajar itu mendedalami lebih banyak ilmu pengetahuan.

"Ini kerana lebih banyak penguasaan bahasa pelajar berkenaan, bermakna lebih cerah peluangnya untuk meluaskan pengetahuan yang ada sama ada secara berinteraksi atau menerusi bahan bacaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, kebiasaannya apabila sesebuah negara itu melangkah maju, ia akan menarik minat orang lain mempelajari bahasa kebangsaan negara berkenaan.

Justeru, katanya, bahasa juga adalah sebahagian daripada lambang kejayaan sesebuah negara.

Ketika ini, katanya, pelajar dari negara luar seperti Australia, negara Afrika, negara Arab dan Korea mempelajari bahasa Melayu di pusat pengajian di negara ini.

"Situasi ini, jelas menunjukkan kemajuan yang dinikmati negara selama ini berjaya mendapat perhatian masyarakat luar sehingga mendorong mereka mempelajari bahasa yang, digunakan penduduknya," katanya.